

15/09/2003

OKU seluruh negara dilatih kuasai ICT

KUANTAN: Kerajaan bercadang mewujudkan Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) di seluruh negara bagi melatih orang kurang upaya (OKU) menguasai ilmu dalam bidang berkenaan.

Ini selaras dengan beberapa langkah bagi memudahkan OKU mendapat pekerjaan seperti diumumkan pada pembentangan Bajet 2004 oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Jumaat lalu.

Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman, berkata kemudahan itu dipercayai dapat membantu OKU menguasai bidang teknologi maklumat seiring dengan kemajuan pembangunan negara.

"Ini berikutan kerajaan mempunyai matlamat supaya setiap jabatan dan agensi kerajaan menyediakan satu peratus jawatan untuk golongan OKU di negara ini," katanya selepas merasmikan program Pelajar Universiti Turun ke Desa membabitkan kira-kira 40 penuntut Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) di Sekolah Kebangsaan Agama Felde Panching Selatan, dekat sini semalam.

Siti Zaharah yang juga Ahli Parlimen Paya Besar berkata, dengan menguasai ilmu itu, kerajaan berharap lebih ramai golongan OKU mendapat pekerjaan lebih baik.

Sementara itu, beliau berkata, kementeriannya juga meminta semua pihak berkuasa tempatan (PBT) membuat penyelarasan terhadap cadangan mewujudkan pusat jagaan kanak-kanak di setiap taman perumahan.

"Kita mahu kawasan lapang di kawasan perumahan dapat digunakan bagi tujuan membina pusat jagaan kanak-kanak.

"Pembinaan pusat itu boleh dilaksanakan melalui peruntukan kementerian berkaitan. Bagaimanapun, pemaju perumahan juga boleh mengambil inisiatif membina sendiri kemudahan itu.

"Kita akan mendapat maklum balas daripada pihak pemaju perumahan sama ada mereka mahu menyediakan sendiri kemudahan itu atau menyerahkannya kepada PBT," katanya.